

Praktis 22 Pengimbuhan Kata Kerja

(a) Tulis kata kerja terbitan berdasarkan gambar dengan menambahkan imbuhan meN- pada pilihan jawapan yang diberi.

lap


basuh

masak

tampal

kukur

daki



(b) Gariskan kata kerja berimbuhan dalam ayat-ayat di bawah.

- 1 Anis mengekor sahaja ke mana-mana ibunya pergi.
- 2 Pada waktu ini, padi di bendang sedang menguning.
- 3 Anjing itu menggonggong tulang sambil meniti jambatan.
- 4 Adik berlari-lari anak untuk mendapatkan ayah yang baru pulang dari tempat kerja.
- 5 Peserta-peserta perkhemahan itu berbantalkan beg sewaktu tidur.
- 6 Amy berkereta walaupun untuk pergi ke kedai yang dekat dengan rumahnya.
- 7 Kita harus memulihara alam sekitar demi kelangsungan hidup generasi yang akan datang.
- 8 Haziq tercengang-cengang sewaktu mula-mula tiba di Kuala Lumpur seperti rusa masuk kampung.
- 9 Penduduk kampung mendalamkan parit di kampung mereka untuk mengelakkan kejadian banjir kilat.
- 10 Amirul menendang bola dengan kuat sehingga memberikan mata kemenangan kepada pasukannya.